

Usah dengar hasutan pesaing

B.H. 23 MAY 1993
Oleh Mustafa Albakri Baharom

KUANTAN: Prospek ekonomi negara yang dinamik sekarang bukan setakat satu rahmat, sebaliknya menjadi cabaran yang mesti dihadapi dengan bijak dan tabah hati, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sehubungan dengan itu, Perdana Menteri berkata, sebagai negara membangun, Malaysia tidak boleh berlagak sebagai negara maju tetapi perlu menggunakan kemampuan daya saingnya, terutama pada kos lebih rendah.

Berucap merasmikan kilang FPG Oleochemicals Sdn Bhd di Tanjung Gelang dekat sini semalam, Dr Mahathir berkata Malaysia tidak seharusnya terpengaruh dengan hasutan saingannya yang mahu melihat kos negara ini meningkat.

Menurutnya, prospek ekonomi yang dinamik itu berikutan kedudukan Malaysia di rantau pinggir Pasifik yang dikenal pasti sebagai kawasan perkembangan ekonomi pesat pada abad ke-21.

Kilang usahasama Fel-da dan Procter and Gamble Company dari Amerika Syarikat itu adalah pengeluar oleokimia terbesar di Asia. FPG yang menggunakan minyak sawit, gas cecair asli, methanol, caustic soda dan asid hidroklorik sebagai bahan mentah mampu mengeluarkan 200,000 tan 'methyl ester', 60,000 tan metrik alkohol berlemak dan 26,000 tan metrik 'glycerine' mentah setahun.

Bahan itu digunakan bagi membuat sabun pencuci pinggan mangkuk, pakaian serta barangan, sabun, pencuci rambut, pembersih mulut, ubat gigi dan alat solek.

Perdana Menteri berkata, penyertaan Procter & Gamble dalam projek itu akan menghasilkan pemindahan teknologi pemprosesan lebih canggih di Malaysia dan memberi sumbangan dari segi latihan kepada penduduk tempatan.

Beliau berharap projek itu menarik minat pelabur dari Amerika Syari-

kat dan syarikat gergasi antarabangsa mengambil peluang yang ada di negara ini.

Sambil memuji Fel-da kerana penyertaannya dalam kegiatan hiliran, Dr Mahathir berkata perusahaan oleokimia mempunyai potensi cerah dalam Pelan Induk Perindustrian Malaysia berikutan pertumbuhan pesatnya dekad lalu.

Menurutnya, Malaysia ialah pengeluar oleokimia terkemuka di dunia dengan menguasai di antara 20 dan 25 peratus pasaran oleokimia yang dihasilkan daripada bahan minyak bukan petroleum.

"Negara dijangka menghasilkan 1.3 juta tan oleokimia pada 1994 manakala eksportnya dijangka menyumbang 10 peratus daripada jumlah nilai eksport pengeluaran sawit.

"Penggunaan minyak sawit dan minyak isi sawit oleh sektor oleokimia meningkat, iaitu daripada hanya dua peratus pada 1989 kepada 10 peratus pada masa ini," katanya.